

Keganasan Komunis di Selangor pada Zaman Darurat 1948–1960

*Atrocities of the Communist Party
of Malaya in Selangor 1948–1960*

Mohamad Khairul Anuar Mohd Rosli & Zulkanain Abdul Rahman

Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial

Universiti Malaya

email: zulkana@um.edu.my

Abstrak

Zaman darurat yang berlangsung selama 12 tahun dari tahun 1948 hingga 1960 merupakan suatu episod hitam dalam sejarah Malaysia. Hal ini kerana sepanjang tempoh tersebut Tanah Melayu terpaksa berhadapan dengan pelbagai keganasan yang dilakukan oleh Parti Komunis Malaya (PKM). Keganasan yang dilakukan oleh komunis dilihat berlaku tanpa mengira masa mahupun tempat. Selangor merupakan salah satu negeri yang menerima kesan langsung daripada pemberontakan dan keganasan yang dilakukan oleh komunis. Kegiatan komunis di Selangor dilihat meliputi serangan ke atas orang awam dan pasukan keselamatan, sabotaj terhadap kemudahan awam dan harta penduduk serta mengganggu perjalanan ekonomi. Kesemua tindakan komunis ini telah memberi kesusahan bukan hanya kepada penduduk tempatan malah turut mengganggu perjalanan pentadbiran pihak kerajaan. Artikel ini akan memberi fokus terhadap bentuk-bentuk keganasan PKM terhadap aktiviti ekonomi di Selangor khususnya dalam sektor perladangan getah, perlombongan arang batu dan juga bijih timah di Selangor ketika darurat.

Kata kunci Arang Batu, Bijih Timah, Getah, Keganasan dan PKM.

Abstract

The emergency that lasted for 12 years started in 1948 until 1960 was a bleak spot in the Malaysian history as for whole of Malaya at that time experienced the atrocities and virulence committed by the Communist Party of Malaya (CPM). The virulence of CPM seemed to happen regardless of time, space and place. Selangor was one of the Malay states affected by the insurgency let alone virulence committed by CPM. Their barbarity acts such as attacks on civilians and security forces, sabotage of public facilities and property, and disrupt the economy development plagued the state and consequently engendered woes not only to the public, but also to the government administration. This article accentuates the forges of atrocities of CPM towards economy activities in Selangor with reference to rubber plantations, coal and tin mining during the emergency period.

Keywords Coal, Tin, Rubber, Atrocities of CPM

Pengenalan

Penularan fahaman komunis di Selangor khususnya dan Tanah Melayu umumnya bermula seawal tahun 1920-an lagi. Pada ketika itu, Kuomintang (KMT) dilihat menjadi instrumen penting kepada penyebaran fahaman komunis kepada penduduk tempatan. Perlu diingatkan di sini bahawa sebelum penyebaran fahaman komunis, Selangor telah pun dipengaruhi oleh gerakan anarkis pada tahun 1919. Beberapa tokoh seperti Mok Kim Fung, Lau Hak Fei dan Li Hui Chou merupakan mereka yang bertanggungjawab mengendalikan persatuan anarkis di Singapura dan Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, gerakan anarkis di Selangor tidak dapat bertahan lama dan mula merosot memasuki tahun 1920. Keadaan ini membuatkan ramai pengikutnya menjadi komunis. Pada masa yang sama pengaruh komunis semakin kuat membuatkan berlaku percantuman antara anarkis dengan komunis (Khoo Kay Kim, 1972:69). Di Selangor, KMT dapat dikesan muncul di Kuala Lumpur dan Klang (C.O. 273/597:27-28). Malah Kuala Lumpur muncul sebagai pusat gerakan utama komunis di Selangor dan Tanah Melayu. Perkembangan ini melahirkan ramai ahli komunis yang bergiat aktif dalam penyebaran fahaman komunis di sekitar Kuala Lumpur. Antara mereka yang dikenal pasti ialah Tung Fang Cheng, Yuan Chih, Pao Hui Sheng, Han Kui Hsiang, Mak Chau, Li Tsung-Lieh, Thong Hung dan Lei To-Wang (C.F. Yong, 1997:45).

Selain itu, sekolah juga menjadi medium penting dalam penyebaran fahaman komunis di Selangor khususnya dalam kalangan orang Cina. Buktinya pada Mac 1923 sebuah sekolah malam Phing Man ditubuhkan. Seorang guru di sekolah tersebut, Han Kua Hsiang dikatakan mempunyai rancangan untuk memberi kuliah politik di sekolah malam di kawasan lain (Khoo Kay Kim, 2004:10). Manakala sekolah malam Nan Ming Hok Kwan di Kuala Lumpur dan Sekolah Shung Hwa di Setapak begitu aktif menyebarkan fahaman komunis kepada pelajar Cina (Ho Hui Ling, 2002:2). Akhbar juga dilihat turut menyebarkan fahaman tersebut dengan menyiarkan artikel yang berbau komunisme seperti artikel bertajuk '*New Tides and Old Theories*', '*Saying Too Much*' dan '*The Real Face of Kuomintang*'.

Penubuhan Parti Komunis Malaya (PKM) pada April 1930 merancakkan lagi penyebaran fahaman komunis di Tanah Melayu. Serentak dengan itu, *Selangor Local Committee PKM* berpusat di Kuala Lumpur ditubuhkan. Lau Cheng dilantik sebagai pengerusi dengan dibantu oleh Lao Chen, Tsao Hsiang dan Li Ch'ing. Selain itu ditubuhkan juga tiga Jawatankuasa Daerah di Kajang, Kuala Lumpur dan Klang (Maimun, 1986:17, Misman, 1982:45). Pembentukan organisasi PKM di Selangor membolehkan komunis melancarkan gerakan dengan lebih tersusun di seluruh negeri. Diperhatikan, pada Disember 1936, *Selangor Local Committee* diarahkan oleh Jawatankuasa Pusat PKM supaya menghubungi Sutan Djenain bagi menjalankan kegiatan mempengaruhi orang Malayu dengan fahaman komunis (Mahmud Embong, 2009:92). Manakala Teng Hoa Liong, ahli Jawatankuasa Eksekutif Pusat PKM dihantar bertugas di ibu pejabat PKM di Kuala Lumpur untuk menguruskan bahagian propaganda (C.O. 537/3751, April 1948:25). Sementara Chan Ping @ Ong Boon Hua yang bertanggungjawab mengurus bahagian ketenteraan dan senjata turut bergiat aktif di Selangor.

Kewujudan organisasi komunis di Selangor membolehkan PKM mula menjalankan kegiatan mereka dalam kalangan penduduk tempatan. Pada peringkat awal, PKM

menumpukan kegiatan mereka dalam kalangan buruh dengan mengatur aktiviti permogokan. Pada 30 Disember 1933, kegiatan permogokan melibatkan pembuat kasut dilaporkan berlaku di Kuala Lumpur. Seterusnya pada 6 Januari 1937, pekerja Kilang Getah Shan Yip Leung, Klang mengadakan mogok untuk menuntut kenaikan gaji. Manakala pada Mac 1937, seramai 6,000 orang pekerja lombong arang batu di Batu Arang, Selangor mengadakan mogok sehingga mengakibatkan kerosakan dan kerugian di pihak majikan (Tai Yuen, 2000:70-71).

Penglibatan komunis dalam kalangan buruh di Selangor menjadi semakin kukuh apabila pihak British mengiktiraf PKM sebagai pertubuhan yang sah. Pengiktirafan tersebut memberi peluang kepada PKM untuk mempengaruhi beberapa pertubuhan lain dengan ideologi mereka (Ho Hui Ling, 2011:12). Dengan bertopengkan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), Abdullah C. D yang juga merupakan anggota komunis mempengaruhi golongan buruh. Beliau bersama dengan Rashid Maidin memainkan peranan dalam menubuhkan kesatuan buruh di Kuala Kubu Bharu selain terlibat dengan Kongres Buruh Se-Malaya dan *Kongres Pan-Malayan Federation of Trade Unions* (PMFTU) pada tahun 1947 (Abdullah C. D., 2005:135).

PKM juga mengadakan kursus di kawasan pedalaman di Ampang untuk mendedahkan para pengikutnya dengan rancangan komunis untuk Asia Tenggara (Mohamed Salleh Lamry, 1992:23). Antara mereka yang hadir ialah Rashid Maidin, Musa Ahmad, Abdullah C. D., Shamsiah Fakeh, Shamsuddin Salleh, Wani Anuar dan Aishah Ghani (Abdullah C. D., 1998:48). Hasil daripada kursus tersebut membawa kepada kewujudan Jabatan Kerja Melayu PKM. Bagi Selangor, Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis, ia dipimpin oleh Rashid Maidin yang beribu pejabat di pejabat PKM, Kuala Lumpur (Mohamed Salleh Lamry, 1992:93). Pembentukan ini menyemarakkan lagi gerakan komunis dalam kalangan orang Melayu di Selangor. Buktinya, sehingga Jun 1948 terdapat seramai 254 orang Melayu menganggotai PKM dan 106 daripadanya datang dari Selangor (Abdullah C. D., 2005:166).

Usaha untuk mempengaruhi orang Melayu di Selangor dengan kegiatan komunis juga dibuat menerusi ceramah dan kelas politik oleh anggota komunis. Pada 17 Januari 1948, satu ceramah berbaur komunis diadakan oleh Atom Mun di Hulu Langat. Dalam ceramah tersebut beliau menyatakan bahawa :

Communism was taught by Marx and Lenin and now by Stalin. It will eliminate class discrimination and poverty among the people. Communism struggles for the improvement of the livelihood of peasant. There is no doubt that there is a lot of obstruction by Imperialist and Feudalist who wish to live up in luxury and let the people die of starvation, but the masses are unaware that their activities cannot be stopped even by atomis power.

(Mahmud Embong, 2009:53)

Seterusnya pada 23 Februari 1948 satu lagi ceramah diberikan oleh Abdullah C.D di rumah Ustaz Yunus Yatimi di Bukit Raya, Hulu Langat, Selangor. Berikut merupakan laporan yang dikeluarkan oleh kerajaan mengenai ceramah tersebut :

His theme on this occasion was the introduction of left-wing political theories by Dutch Socialist in Indonesia. He went to state that the establishment of a Municipal in

Kuala Lumpur would undoubtedly result in higher taxation and would have the effect of forcing many people to live outside the Municipal limits. He informed the class that many Malay in Pahang, Selangor and Johore were anxious to learn communist principles and join the party.

(C.O. 537/3751, February:281)

Sekali lagi rumah Ustaz Yunus Yatimi menjadi tempat untuk menyebarkan fahaman komunis oleh anggota komunis sendiri. Buktinya pada 3 Mac 1948, Wan Chik bin Ahmad (Wahi Anuar) mengadakan kelas politik di kawasan tersebut (C.O. 537/3751. March 1948:245). Di Kampung Jenderam, Kajang pula, kelas politik diadakan oleh Mokhtar bin Sulaiman (C.O. 537/3751. May 1948:64). Menerusi ceramah dan kelas politik yang diadakan ini sedikit sebanyak berjaya mempengaruhi orang Melayu untuk terlibat dengan kegiatan komunis. Buktinya, pada tahun 1948 sahaja terdapat 14 orang penduduk Melayu di Hulu Langat menjadi anggota komunis.

Kegiatan komunis di Selangor diteruskan lagi dengan mengadakan latihan ketenteraan di dalam hutan sebagai persiapan awal sebelum melancarkan pemberontakan bersenjata. Menerusi latihan ketenteraan yang diadakan, anggota komunis dilatih dengan latihan ketenteraan dan juga politik. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Abdul Manan Hj. Latif berhubung dengan latihan tersebut :

This camp consist of 3 huts. These huts are made of bertan. One hut is ised as an office and one as a school and sleping place and another one is a cooking place. There is also a small parade ground. When arrived at the camp there were eight Malays there. I knew them as Ali Ibrahim of Bukit Raya, Ahmad of Ulu Langat, Ahmad Yusoff of Ulu Langat...Samin of Sungai Long, Barhan of Sungai Long, Untak of Bukit Kanching, Sulong of Bukit Kanching, Abdul Rahman of Tanjung Karang. In all we were fourteen. Ismail and Ali were in charge of the camp. Ismail wasi in charge of political teaching. Ali was in charge of military training.

(Mahmud Embong, 2009:61-62)

Pada Jun 1948, Jawatankuasa Pusat PKM mengadakan satu lagi kem latihan bertempat di Lubuk Kawah, Pahang. Tujuannya adalah untuk memberi latihan ketenteraan, kursus politik dan memberi pendedahan kepada anggota komunis mengenai cara hidup tentera gerila (Suriani Abdullah, 1999:18). Latihan ini diadakan sebagai reaksi kepada perubahan politik yang berlaku di Tanah Melayu pada ketika itu. Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu pada Februari 1948 bagi menggantikan *Malayan Union* secara tidak langsung menandakan kegagalan PKM mencapai matlamat perjuangan mereka untuk membentuk kesatuan komunis di Tanah Melayu. Justeru kem latihan yang diadakan merupakan persiapan kepada komunis sebelum melancarkan gerakan secara bersenjata. Kem latihan tersebut dikendalikan oleh Chen Nan yang dihadiri oleh 36 orang anggota komunis dari seluruh Tanah Melayu. Bagi Selangor, ia diwakili oleh Ali Ibrahim, Ali Boyok, Atom, Tahan dan Ismail (Abdullah C. D., 2007:22-23).

Perkembangan yang berlaku dalam kegiatan komunis dan perubahan politik di Tanah Melayu memaksa PKM mengambil keputusan untuk melancarkan pemberontakan bersenjata. Komunis melancarkan pelbagai kegiatan keganasan dan

sabotaj di Selangor untuk menimbulkan kekacauan. Pada Jun 1948, dua orang pekerja lombong bijih timah, Chong Chin dan See Chong dibunuh oleh komunis kerana enggan menuruti arahan yang diberikan. Manakala pada 3 Jun 1948, seorang ketua buruh dari Estet Mary, Batang Berjantai telah dibunuh oleh komunis (Charles Gamba, 1962:340-341). Terdapat banyak kekejaman komunis dilaporkan berlaku di seluruh Tanah Melayu pada ketika itu. Pembunuhan tiga orang peladang Eropah di Perak pada 16 Jun 1948 kemudiannya memaksa Sir Edward Gent selaku Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu mengisytiharkan Undang-undang Darurat di beberapa kawasan di Perak dan Johor. Keganasan komunis yang semakin berleluasa membuatkan undang-undang tersebut diperluaskan sehingga ke seluruh Tanah Melayu termasuklah Selangor pada 18 Jun 1948.

Walaupun Undang-undang Darurat diisytiharkan, komunis di Selangor masih melakukan keganasan dan sabotaj. Saban hari ramai orang awam dan anggota keselamatan menjadi mangsa kekejaman komunis. Komunis tidak hanya menasaskan kegiatan mereka di petempatan, sistem perhubungan, kemudahan infrastruktur dan pekan, malah turut menyerang kawasan ekonomi. Komunis sedar bahawa ekonomi merupakan kekuatan dan kepentingan utama pihak British. Justeru dengan menjadikan kawasan ekonomi sebagai sasaran kegiatan mereka, komunis yakin ia akan dapat melemahkan kedudukan British dan seterusnya menghalau mereka keluar dari Selangor khususnya dan Tanah Melayu umumnya. Tindakan komunis ini secara langsung memberi pengaruh yang cukup besar kepada perkembangan ekonomi di Selangor pada ketika itu.

Aktiviti Ekonomi Selangor Ketika Darurat

Zaman darurat merupakan salah satu peristiwa yang memberi kesan mendalam terhadap perkembangan ekonomi di Selangor. Kegiatan komunis pada ketika itu menyebabkan sektor ekonomi berada dalam keadaan yang tidak stabil. Keadaan ini dilihat bersesuaian dengan strategi perjuangan PKM yang pertama iaitu menyerang kawasan ekonomi utama seperti estet getah dan lombong bijih timah (R.Stubbs, 1974:2-3;Ho Hui Ling.2012:152-153). Berikutan dengan itu, pengganas komunis bertindak melakukan kekacauan di estet getah dan lombong bijih timah dengan membakar pejabat, rumah kongsi, jentera dan merosakkan pokok getah. Lebih daripada itu, golongan buruh dan pihak majikan turut menjadi mangsa kekejaman komunis sama ada diugut, dcederakan mahupun dibunuh.

Motif kegiatan komunis adalah untuk mengganggu perjalanan ekonomi pihak British. Komunis percaya dengan cara tersebut kedudukan British akan terjejas dan ini akan memudahkan mereka untuk menguasai tampuk pemerintahan. Hal ini turut diakui sendiri oleh Sir Henry Gurney di dalam ucapannya pada 18 Oktober 1948 dengan menyatakan bahawa ‘...during the last few month has been the attempt of the Malayan Communist Party and its supporters to disrupt the economy of this country, already seriously dislocated by the war, and to cause a breakdown in the administration of Government’ (Henry Gurney, 1949:1). Justeru tidak hairanlah pada peringkat awal zaman darurat, komunis sentiasa menasaskan kegiatan mereka di kawasan ekonomi. Kesan daripada tindakan komunis memberi implikasi yang besar kepada perkembangan ekonomi Selangor yang pada ketika itu baru sahaja terjejas akibat pendudukan Jepun.

Sektor Getah

Di Selangor, sektor perladangan merupakan kegiatan ekonomi yang penting pada ketika itu. Menerusi kegiatan perladangan getah di Selangor dan beberapa negeri Melayu yang lain seperti Perak dan Johor meletakkan Tanah Melayu sebagai pengeluar utama getah pada ketika itu. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Nicholas J. White bahawa :

Malaya's rubber production...produces dollars to an amount that exceeds in total value all domestic exports from Britain and to the U.S...if for any reason, the operation of the great rubber industry are interruted or seriously impaired, Britain's dollar situation would be rendered more acute than ever. This country would then have less food, less clothes and there would be fewer dollar with which to buy raw meterial – and that would mean unemployment. All of us are thus deeply concerned in what is happening in Malaya.

(Nicholas J. White, 1996:99)

Melihat kepada kenyataan tersebut jelas menunjukkan betapa pentingnya sektor getah di Tanah Melayu pada ketika itu. Disebabkan kepentingan inilah yang mendorong penganas komunis mensasarkan kegiatan mereka di kawasan estet getah. Pada masa yang sama, kepentingan sektor getah turut mendorong pihak kerajaan untuk memastikan kelangsungannya. Kedua-dua situasi tersebut secara langsung memberi pengaruh yang tersendiri kepada sektor getah di Selangor.

Selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua dan kembalinya penguasaan British, usaha untuk membangunkan sektor getah di Selangor khasnya dan Tanah Melayu umumnya mula dijalankan. Untuk itu, sebuah syarikat *Malayan Rubber Estate Owners Company* (MREOC) ditubuhkan untuk menguruskan operasi ladang getah dengan membekalkan peralatan yang diperlukan (Martin Rudner, 1970:4). Di Selangor, beberapa syarikat diberi tanggungjawab untuk mengurus operasi estet. Antaranya Syarikat Hadow & Thampson and Mine (5 estet dengan keluasan 5,577 $\frac{1}{4}$ ekar); Guthrie (7 estet dengan keluasan 10,709 $\frac{3}{4}$ ekar); Rubber Estate Agency Group (1 estet dengan keluasan 1,267 $\frac{3}{4}$ ekar); Morrison and Ruther Ford (14 estet dengan keluasan 13,426 ekar); Oriental, Bonstead & Ethelberger Syndicate (8 estet dengan keluasan 10,802 ekar) dan Harrison, Crosfield & US Rubber (1 estet dengan keluasan 1,531 ekar) (Martin Rudner, 1970:26-27). Pihak kerajaan sendiri turut memainkan peranan dalam kegiatan perladangan dengan menguruskan 56 buah estet dengan keluasan 55,254 $\frac{3}{4}$ ekar yang terletak di Klang, Ulu Langat, Kuala Lumpur dan Ulu Selangor (N.Santha Lerchmy, 1989:180).


Hasil daripada langkah tersebut telah membantu dalam pembangunan sektor getah di Selangor. Sehingga tahun 1947, seluas 500,060 ekar tanah di Selangor diusahakan dengan tanaman getah (Rubber Statistics Handbook of Malaya, 1947:5). Memasuki tahun 1948 pula, keluasan tanaman getah di Selangor telah meningkat kepada 513,257 ekar (Rubber Statistics Handbook of Malaya, 1948:3). Peningkatan keluasan estet getah ini didorong oleh tindakan pihak kerajaan dengan menjalankan kerja-kerja penanaman semula dan penanaman baru. Walau bagaimanapun, perkembangan sektor getah di Selangor mula menunjukkan kemerosotan pada awal darurat sehingga awal tahun 1950-an.

KELUASAN, DITOREH DAN HASIL PENGELUARAN GETAH DI SELANGOR

Jadual 1 Keluasan, Ditoreh dan Hasil Pengeluaran Getah di Selangor

Tahun	Keluasan (ekar)	Ditoreh (ekar)	Hasil (tan)
1948	352,555	301,000	72,000
1949	353,654	296,000	70,000
1950	351,483	292,000	64,000
1951	346,599	275,000	58,000
1952	347,791	271,000	61,000
1953	354,906	271,000	59,000
1954	350,637	266,000	61,000

Sumber : Disesuaikan daripada *Rubber Statistics Handbook of Malaya, 1948-1954*.



Rajah 1 Keluasan, Ditoreh dan Hasil Pengeluaran Getah di Selangor

Berdasarkan kepada Rajah 1, hasil pengeluaran getah di Selangor mula menunjukkan penurunan mulai tahun 1948. Walaupun keluasan estet getah menunjukkan peningkatan dari 352,555 ekar pada tahun 1948 kepada 353,654 ekar pada tahun berikutnya, namun dari segi hasil pengeluarannya menunjukkan penurunan. Penurunan ini disebabkan oleh keluasan estet getah yang ditoreh pada tahun 1949 menurun kepada 296,000 ekar berbanding tahun sebelumnya. Keadaan ini disebabkan oleh pemberontakan komunis yang meletus pada pertengahan tahun 1948. Hasil pengeluaran getah di Selangor dilihat terus menunjukkan penurunan pada tahun 1950 dan 1951. Tidak dinafikan pengeluaran getah merosot disebabkan oleh pengurangan keluasan estet yang ditoreh pada tahun tersebut. Kekacauan yang dilakukan oleh komunis membuatkan pekerja estet bimbang menjadi mangsa kekejaman komunis sekiranya mereka terus bekerja di estet. Selain itu, tindakan komunis yang menakik pokok getah juga menjadi punca kepada kemerosotan hasil pengeluaran getah di Selangor. Pada Oktober 1949 misalnya, penganas komunis

merosakkan estet getah seluas 25 ekar di Kajang dengan menakik pokok getah tersebut (C.O. 717/178/52849/62:72). Manakala pada tahun 1951 pula, sebanyak 1,923 pokok getah di Kuala Selangor dan 10 ekar getah di Klang dirosakkan oleh pengganas komunis (Ho Hui Ling, 2011:68; C.O. 1022/13/ SEA10/14/03:14)). Dalam kejadian lain, 100 pokok getah ditakik selain dipaku notis berbentuk propaganda pada pokok tersebut. Melihat kepada tindakan tersebut, jelaslah ia menjadi punca kepada pengurangan hasil pengeluaran getah di Selangor. Hal ini sebagaimana yang dilaporkan oleh Institut Penyelidikan Getah di Selangor dan Johor bahawa tindakan komunis yang menakik pokok getah menjejaskan hasil pengeluaran getah.

Tindakan komunis yang merosakkan kemudahan di estet juga sedikit sebanyak memberi kesan kepada perkembangan sektor getah di Selangor. Beberapa kejadian dilaporkan berlaku melibatkan kemudahan di estet. Contohnya pada 2 November 1948, rumah asap dan gudang di Estet Dominion, Kajang dibakar oleh komunis (Anthony Short, 1975:163). Manakala pada 20 Februari 1950, komunis membakar dua buah rumah asap, lima buah rumah pekerja dan stor di Estet Alburion (C.O. 717/178/52849/62:324). Seterusnya pada 8 Ogos 1950, kilang dan rumah asap di Estet Galloway dirosakkan. Pada 9 April 1949, sebuah lori membawa susu getah ditahan sebelum dibakar oleh komunis yang menyerang Estet Sydney, Kajang (Ho Hui Ling, 2011:66). Kejadian yang sama turut berlaku di Estet Sungai Tangkas apabila komunis bertindak menahan dan membakar lori yang membawa susu getah (Ho Hui Ling, 2009:6). Golongan pekerja estet turut menjadi mangsa keganasan komunis. Pada tahun 19 Mac 1949, seorang buruh India dari Estet Klang mati dibunuh oleh tiga pengganas komunis (SUK. Sel.,170/1949; Labour Monthly Report, 1949:1). Manakala di Estet Chi Liung pula tiga orang penoreh getah berbangsa India dibunuh oleh komunis (Abdullah Zakaria Ghazali, 2005:434). Secara keseluruhannya, terdapat banyak lagi kegiatan komunis yang melibatkan pekerja dan kemudahan estet yang memberi kesan secara tidak langsung kepada perkembangan sektor getah di Selangor (Ibid:425-442; Ho Hui Ling,2002:3-9).

Memasuki tahun 1950-an, sektor getah mula menunjukkan perkembangan yang positif. Pada tahun 1952, hasil pengeluaran getah menunjukkan peningkatan sebanyak 3,000 tan dari tahun sebelumnya menjadikan hasilnya sebanyak 61,000 tan (Rubber Statistics Handbook of Malaya, 1960:30). Peningkatan ini dipengaruhi oleh permintaan komoditi getah yang meningkat kesan daripada Perang Korea yang meletus pada 25 Jun 1950 (Ho Hui Ling, 2006:9-10; Martin Rudner, 1976:236). Berakhirnya Perang Korea pada Julai 1953 sedikit sebanyak mempengaruhi hasil pengeluaran getah di Selangor pada ketika itu. Walau bagaimanapun, mulai tahun 1950-an sektor getah di Selangor dilihat mula menunjukkan perubahan yang positif berbanding tahun-tahun sebelumnya. Secara umumnya, keadaan ini disebabkan oleh perubahan strategi komunis yang tidak lagi menjadikan kawasan estet sebagai sasaran utama kegiatan mereka. Selain itu, ia turut dipengaruhi oleh tindakan kerajaan yang melancarkan langkah membanteras kegiatan komunis. Diperhatikan, pada 28 Ogos 1959 sudah tiada lagi anggota komunis di Selangor dan beberapa negeri lain seperti Kelantan, Johor, Negeri Sembilan dan Melaka (Leon Comber, 2008:277). Hasil daripada langkah pembersihan komunis yang dilaksanakan oleh kerajaan juga membuatkan beberapa kawasan di Selangor seperti Klang, Kuala Selangor, Kuala Langat, Sabak Bernam dan Sepang diisytiharkan bebas dari ancaman komunis (C.O. 1030/1, Emergency Regulations).

Ancaman komunis yang mula berkurangan membolehkan pihak kerajaan memberi perhatian kepada pembangunan sektor getah di Selangor khususnya dan Tanah Melayu umumnya. Pada tahun 1956 misalnya, seluas 6,475 ekar tanah diusahakan dengan tanaman getah yang baru manakala 72,792 ekar tanah di kawasan estet yang sedia ada di Selangor ditanam dengan pokok getah yang baru (Rubber Statistics Handbook of Malaya, 1956:16). Pada tahun berikutnya, 7,845 ekar tanah diusahakan dengan tanaman getah manakala 75,737 ekar estet getah ditanam dengan pokok getah yang baru (Rubber Statistics Handbook of Malaya, 1957:16). Hasil daripada ini telah berjaya mengembangkan sektor getah di Selangor. Hal ini dapat dibuktikan menerusi pengeluaran getah. Pada tahun 1956, hasil pengeluaran getah di Selangor sekitar 62,000 tan sebelum meningkat kepada 69,000 tan pada tahun berikutnya (Rubber Statistics Handbook of Malaya, 1962:31). Perkembangan yang ditunjukkan ini membuatkan pihak kerajaan terus berusaha membangunkan sektor getah. Untuk itu, seluas 9,431 ekar tanah dibuka untuk tanaman getah manakala 78,024 ekar kawasan estet digantikan dengan pokok getah yang baru (Rubber Statistics Handbook of Malaya, 1960:17). Pada tahun 1958, hasil pengeluaran getah meningkat kepada 73,000 tan dan 80,000 tan pada tahun berikutnya (Rubber Statistics Handbook of Malaya, 1962:31).

Perkembangan sektor getah di Selangor juga dapat dinilai menerusi penglibatan pekebun-pekebun kecil. Sebaik sahaja Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, sektor getah mula memperlihatkan penglibatan pekebun kecil khususnya oleh pengusaha Cina. Keadaan ini didorong oleh dasar kerajaan pada ketika itu yang mengambil alih ladang milik pengusaha Eropah selain tindakan pengusaha itu sendiri yang menjual ladang dan meninggalkan negara ini. Peluang ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengusaha Cina dengan membeli ladang-ladang getah dan kemudiannya membahagikannya kepada saiz yang lebih kecil untuk mendapatkan keuntungan yang lebih (Sivachandralingam, 2012:326). Tindakan pengusaha Cina ini membantu perkembangan sektor getah menerusi kebun-kebun kecil. Pada tahun 1956 misalnya, keluasan kebun getah yang diusahakan bersama-sama tanaman lain ialah seluas 36,207 ekar (Rubber Statistics Handbook of Malaya, 1956:9). Keluasan kebun getah ini kemudiannya bertambah menjadi 36,446 ekar pada tahun 1957 dan 40,430 ekar pada tahun 1960 (Rubber Statistics Handbook of Malaya, 1957:9; Rubber Statistics Handbook of Malaya, 1960:9). Selain itu, inisiatif yang diambil oleh pihak kerajaan menerusi Rancangan Malaya Pertama turut membantu perkembangan sektor getah di Selangor khususnya dan Tanah Melayu umumnya. Menerusi rancangan tersebut, sebanyak 153 juta atau 15.9% daripada peruntukan perbelanjaan pembangunan awam telah dikhususkan untuk *rubber replanting* (Rancangan Malaysia Pertama, 1965:28-29). Manakala menerusi Rubber Development Plan pula, sebanyak \$12,125,375 dibelanjakan untuk membangunkan sektor getah di seluruh Tanah Melayu. Memasuki tahun 1957, perbelanjaan tersebut ditingkatkan kepada \$29,622,584 (CBA/63/56, Rubber Development Plan). Peruntukan yang diberi ini untuk menjalankan kerja-kerja menanam semula getah di estet dan kebun kecil selain membangunkan industri getah khususnya dalam kalangan pekebun kecil.

Secara keseluruhannya, jelas menunjukkan bahawa sektor getah di Selangor sentiasa dipengaruhi oleh suasana pada zaman darurat. Pengaruh zaman darurat membahagikan sektor getah kepada dua fasa utama. Pada peringkat awal darurat sehingga awal tahun

1950-an, sektor getah di Selangor menunjukkan kemerosotan terutamanya dari segi hasil pengeluaran. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh tindakan pengganas komunis yang menjadikan kawasan estet dan komuniti estet sebagai kawasan kegiatan mereka. Namun memasuki tahun 1950-an, sektor getah mula menunjukkan perkembangan yang positif sehingga berakhirnya darurat. Perkembangan ini dipengaruhi oleh peranan yang diambil oleh pihak kerajaan sama ada dari segi pembanterasannya komunis mahupun usaha membangunkan sektor getah itu sendiri. Pada masa yang sama, perubahan strategi komunis yang tidak lagi menjadikan kawasan estet sebagai sasaran utama mereka turut mendorong kepada perkembangan sektor getah di Selangor khususnya.

Sektor Arang Batu

Perlombongan arang batu juga merupakan sektor ekonomi penting di Selangor. Malah arang batu yang dihasilkan dari lombong di Batu Arang, Selangor ini juga sangat penting untuk kegunaan seluruh Tanah Melayu. Lombong arang batu yang dikendalikan oleh *Malayan Collieries Ltd.* membekalkan arang batu untuk kegunaan perkhidmatan kereta api Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB), Stesen Janakuasa di Bangsar, Stesen Janakuasa Perak dan beberapa pengusaha lombong yang lain.

Semasa zaman darurat, sektor arang batu dilihat turut menjadi sasaran pengganas komunis. Malah seawal kemunculan PKM pada tahun 1930-an lagi, sektor arang batu dipengaruhi oleh anasir komunis. Pada ketika itu komunis dilihat bertanggungjawab mempengaruhi pekerja lombong untuk melakukan permogokan. Pada Mac 1937, kira-kira 6,000 orang pekerja mengadakan mogok sehingga menyebabkan kerosakan di lombong tersebut (Ho Hui Ling, 2002:3). Kesan daripada mogok tersebut menyebabkan hasil arang batu menurun daripada 628,948 tan pada tahun 1937 kepada 477,908 tan pada tahun 1938 (*Bulletin of Statistics Relating to The Mining Industry*, 1956:14). Sekiranya permogokan dibiarkan, kerugian yang lebih besar akan dialami oleh pihak majikan. Hal ini kerana kerja-kerja mengepam air dari lombong perlu dilakukan dalam tempoh 24 jam untuk mengelakkan air memenuhi lombong yang akan merosakkan hasil arang batu (Vijaya Letchumi, 1996:48). Permogokan yang berlaku berjaya diatasi apabila pihak polis melakukan serbuan ke atas lombong tersebut. Serbuan yang dilakukan mengakibatkan seorang agen komunis terbunuh, dua cedera manakala 116 orang yang lain ditahan (SSF 192/1937).

Memasuki zaman darurat, sektor arang batu mula memperlihatkan perubahan. Pada peringkat awal darurat sehingga tahun 1953, sektor arang batu menunjukkan perkembangan yang positif terutamanya dari segi harganya. Berikut merupakan hasil pengeluaran arang batu di Selangor sepanjang zaman darurat :

PENGELUARAN ARANG BATU DI SELANGOR, 1948–1960


Jadual 2 Pengeluaran Arang Batu di Selangor, 1948–1960

Tahun	Pengeluaran (tan)	Harga
1948	375,460	\$7,696,930
1949	386,898	\$7,931,409

(samb.)

1950	415,777	\$8,523,429
1951	382,539	\$7,842,050
1952	314,922	\$7,873,050
1953	286,364	\$8,590,920
1954	224,540	\$6,736,200
1955	206,118	\$6,183,540
1956	182,479	\$5,474,370
1957	152,311	\$4,569,330
1958	66,452	\$2,229,655
1959	75,494*	\$2,647,190
1960	6,847	\$239,645

Sumber : *Bulletin of Statistics Relating to The Mining Industry*, July 1956, hlm. 14.
Bulletin of Statistics Relating to The Mining Industry 1956 to 1960, January 1962, hlm. 15.
*kecuali 140 tan yang dihasilkan di Muar, Johor.



Rajah 2 Pengeluaran Arang Batu di Selangor, 1948–1960

Berdasarkan kepada Rajah 2, jelas menunjukkan hasil pengeluaran arang batu di Selangor menunjukkan peningkatan untuk tempoh tiga tahun terawal pada zaman darurat. Walaupun dari segi harga dan pengeluaran arang batu meningkat untuk tempoh tersebut, namun ini tidak bermakna sektor arang batu tidak diancam oleh pengganas komunis. Pada 12 Julai 1948, dilaporkan pengganas komunis menembak mati lima orang pekerja di lombong tersebut (*The Malay Mail*, 12 Julai 1948). Manakala pada pertengahan tahun 1948 beberapa serangan komunis dilaporkan berlaku sehingga menyebabkan kerosakan jentera lombong. Walau bagaimanapun tindakan tersebut tidak begitu memberi kesan terhadap pengeluaran arang batu kerana kerosakan yang berlaku hanya bersifat sementara (*Federation of Malaya Annual Report*, 1949:67).

Memasuki tahun 1950-an, sektor arang batu mula memperlihatkan keadaan yang tidak stabil sama ada dari segi harga mahupun pengeluarannya. Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi perkembangan sektor arang batu pada ketika itu. Antaranya,

tindakan pihak kerajaan yang mula mengimport arang batu dari Sumatera (Federation of Malaya Annual Report, 1953:148). Tindakan ini secara langsung memberi kesan kepada perlombongan arang batu di Selangor kerana sebelum ini keperluan arang batu untuk kegunaan dalam negara dibekalkan oleh lombong di Batu Arang, Selangor. Selain itu, permintaan dalam negara yang adakalanya meningkat juga turut mempengaruhi perkembangan sektor arang batu. Contohnya, pada tahun 1953 pengeluaran arang batu menunjukkan penurunan berbanding tahun sebelumnya. Namun dari segi harga ia menunjukkan peningkatan. Keadaan ini didorong oleh permintaan bagi bahan bakar tersebut yang meningkat berbanding tahun sebelumnya yang secara tidak langsung mempengaruhi harga bahan tersebut. Pada tahun 1953, permintaan arang batu untuk kegunaan perkhidmatan kereta api meningkat kepada 51 peratus berbanding tahun sebelumnya hanya 41%. Manakala untuk kegunaan sektor perlombongan pula, ia meningkat kepada 29% berbanding tahun 1952 dengan hanya 20%. Bagi kegunaan lain pula, permintaan arang batu meningkat dari satu peratus kepada lima peratus pada tahun 1953 (Federation of Malaya Annual Report, 1955:161).

Kemunculan bahan bakar seperti minyak yang jauh lebih murah daripada arang batu juga menjadi penyebab kepada kemerosotan sektor arang batu di Selangor. Harga bahan bakar berasaskan minyak yang murah membuatkan pengusaha yang sebelum ini menggunakan arang batu beralih kepada minyak. Keadaan ini memaksa pengusaha lombong arang batu merujuk kepada kerajaan supaya mengawal jumlah penjualan bahan bakar tersebut untuk memastikan kelangsungan sektor arang batu. Namun begitu pihak kerajaan enggan berbuat demikian dan ini secara langsung memberi kesan buruk kepada kegiatan perlombongan arang batu (Federation of Malaya Annual Report, 1955:191). Berikutan dengan itu, banyak lombong arang batu terpaksa ditutup. Buktinya pada tahun 1954 terdapat empat buah lombong arang batu yang masih beroperasi. Namun menjelang penghujung tahun tersebut dua buah lombong terpaksa ditutup dan ini sama sekali telah memberi kesan kepada pekerja lombong tersebut. Pada Disember 1953, terdapat 2,043 orang buruh bekerja di lombong arang batu. Jumlah tersebut kemudiannya berkurang menjadi 1,224 orang pada tahun 1954 dan terus berkurang sehingga 1,049 orang pada tahun berikutnya (Federation of Malaya Annual Report, 1956:203).

Memasuki tahun 1957, pengeluaran dan harga arang batu dilihat terus menunjukkan penurunan. Keadaan ini dipengaruhi oleh permintaan bahan bakar tersebut yang mula berkurangan khususnya untuk kegunaan perkhidmatan kereta api. Pembangunan sistem pengangkutan pada ketika itu membuatkan pihak *Malayan Railway* melakukan perubahan dengan menggantikan kereta api arang batu dengan kereta api diesel yang mula digunakan pada Mei 1957. Manakala pada Ogos tahun yang sama sebanyak 25 buah kereta api diesel telah digunakan dan enam buah relkar hidraulik jenis diesel dijangka akan digunakan menjelang pertengahan tahun 1958 (*Malayan Railway Administration Report*, 1958:10). Kesemua faktor tersebut membuatkan sektor arang batu tidak lagi dapat bertahan sehingga memaksa pihak *Malayan Collieries* memberhentikan operasinya pada 30 Januari 1960 (*Bulletin of Statistics Relating to The Mining Industry*, 1962:14-15).

Secara keseluruhannya, suasana pada zaman darurat memperlihatkan pengaruh yang tersendiri kepada sektor arang batu di Selangor. Selain dipengaruhi oleh kegiatan

komunis, kemerosotan sektor arang batu juga dicorakkan oleh pelbagai faktor lain. Antaranya ialah kemunculan bahan bakar seperti minyak yang jauh lebih murah berbanding dengan arang batu. Kemunculan bahan bakar berasaskan minyak yang murah membuatkan pengguna arang batu sebelum ini beralih kepada bahan bakar tersebut.

Sektor Bijih Timah

Selain getah dan arang batu, kekuatan ekonomi Selangor juga ditunjangi oleh sektor perlombongan bijih timah. Sama seperti sektor getah dan arang batu, sektor perlombongan bijih timah di Selangor juga turut berhadapan dengan ancaman komunis. Oleh kerana sektor bijih timah merupakan kekuatan ekonomi Selangor dan Tanah Melayu pada ketika itu, maka tidak hairanlah komunis mensasarkan kegiatan mereka di kawasan lombong. Hal ini selari dengan strategi perjuangan mereka yakni mahu melumpuhkan ekonomi kerajaan pada ketika itu. Akibat daripada strategi yang diguna pakai oleh komunis, maka banyak kemudahan di lombong dan pekerja lombong itu sendiri menjadi mangsa komunis.

Merujuk kepada kekejaman komunis terhadap komuniti lombong bijih timah, beberapa kejadian dilaporkan berlaku. Pada 15 September 1948 misalnya, jurutera *Rawang Tin Fields*, Mr. Archer yang menaiki dalam perjalanan ke Serendah diserang oleh pegganas komunis. Kejadian tersebut mengakibatkan mangsa mati manakala kereta yang dinaikinya terbakar selain pistol dan stengunnya dilarikan oleh komunis (SUK. Sel. R. C. Sel., 44/1948). Manakala pada 28 Januari 1950 pula, tiga orang pelombong Cina dari Lombong Timah Pak Long, Kajang dibunuh oleh pegganas komunis (C.O. 717/200/52849/22:333). Serangan komunis di Lombong Timah Pak Ling, Kajang pada 28 Jun 1950 pula mengakibatkan tiga orang pekerjanya terbunuh (Ho Hui Ling, 2002:6). Seterusnya pada 12 Januari 1953, pegganas komunis membunuh ketua buruh di Lombong Timah Chong Heng, Kuchai, Selangor (*Labour Department Monthly Report*, 1953:1).

Pada masa yang sama, komunis turut mensabotaj kemudahan di lombong bijih timah. Contohnya pada 30 Oktober 1948, seramai 50 orang komunis telah menyerang Lombong Timah Puteh sehingga mengakibatkan bengkel dan tempat tinggal pekerja musnah (Ho Hui Ling, 2002:6). Seterusnya serangan komunis juga dilaporkan berlaku di Lombong Timah Pak Kuon No.1 yang mengakibatkan kerugian sebanyak \$70,000 (Sel. Sec. File, 46/1949:1). Dalam kejadian yang berlaku pada 25 Januari 1949, mesin pengorek dan dua orang pelombong telah mati akibat serangan yang dilancarkan oleh komunis di Serendah. Terdapat beberapa lagi kejadian serangan komunis dilaporkan berlaku di Lombong Timah Pak Long, Lombong Timah Renong dan *Rawang Tin Fields Limited* (Ho Hui Ling, 2012:167).

Kegiatan komunis di sektor bijih timah secara langsung telah mempengaruhi perkembangan sektor tersebut. Implikasi daripada tindakan tersebut membuatkan hasil pengeluaran bijih timah di Selangor sepanjang zaman darurat dilihat tidak konsisten.

PENGELUARAN BIJIH TIMAH DI SELANGOR, 1948-1960

Jadual 3 Pengeluaran Bijih Timah di Selangor, 1948–1960

Tahun	Pengeluaran (tan)
1948	11,494
1949	15,148
1950	15,145
1951	17,518
1952	16,526
1953	16,491
1954	17,862
1955	17,871
1956	17,439
1957	17,342
1958	13,426
1959	12,674
1960	17,382

Sumber : *Bulletin of Statistics Relating to The Mining Industry*, July 1956, hlm. 4.
Bulletin of Statistics Relating to The Mining Industry 1956 to 1960, January 1962, hlm. 4.

Selain tindakan komunis, terdapat faktor lain yang mempengaruhi pengeluaran hasil bijih timah di Selangor sepanjang zaman darurat. Antaranya ialah Perang Korea yang meletus pada 25 Jun 1950. Akibat daripada perang tersebut, komoditi bijih timah di peringkat antarabangsa meningkat. Oleh kerana Tanah Melayu merupakan antara negara pengeluar timah utama pada ketika itu, maka ia secara langsung mempengaruhi perkembangan sektor bijih timah. Buktinya, pengeluaran timah pada tahun 1951 meningkat kepada 17,518 tan berbanding hanya 15,145 tan pada tahun sebelumnya. Peningkatan pengeluaran timah pada ketika itu dilihat turut sama mempengaruhi harga komoditi tersebut. Harga pasaran timah pada tahun 1950-an meningkat dua kali ganda menjadikan harganya \$526.58 sepikul (Ho Hui Ling, 2006:10). Selain itu, tindakan komunis yang menukar strategi perjuangan mereka dengan tidak lagi menasarkankan kegiatan di kawasan lombong serta langkah pembanterasan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan turut menyumbang kepada perkembangan sektor bijih timah. Kadar harga, bekalan dan permintaan dunia serta kerjasama di peringkat antarabangsa juga turut mempengaruhi sektor bijih timah di Selangor khususnya dan Tanah Melayu umumnya (*Draf Pembangunan Malaya*, 1950–1955:130).

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, jelas menunjukkan komunis menyedari akan kepentingan sektor ekonomi sebagai tunjang kepada kekuatan pihak British. Justeru komunis mengambil kesempatan dengan menasarkankan kegiatan terhadap sektor ekonomi bagi mencapai matlamat perjuangan PKM di Selangor dan Tanah Melayu umumnya. Berikutan dengan itu, sektor ekonomi utama di Selangor berada dalam keadaan tidak stabil sama ada dari segi keselamatan pekerja mahupun keadaan sektor ekonomi itu

sendiri. Hal ini kerana komunis sering kali melakukan serangan ke atas sektor getah, bijih timah dan arang batu dengan tujuan menjejaskan pembangunan ekonomi Selangor pada ketika itu. Komunis sedar bahawa dengan mengganggu pembangunan ekonomi akan melemahkan kedudukan pihak British yang seterusnya membuka ruang kepada mereka untuk menguasai pentadbiran. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, komunis melakukan pelbagai sabotaj ke atas kawasan ekonomi sehingga mengakibatkan kerosakan bangunan, jentera, pokok getah dan mengganggu operasi di lombong bijih timah dan arang batu. Kesemua ini memberi kesan kepada pihak British, majikan dan punca pendapatan golongan pekerja itu sendiri.

Rujukan

- Abdullah C.D. (1998). *Perang Anti-British dan Perdamaian*, Hong Kong: Nan Dao Publisher.
- Abdullah C.D. (2005). *Memoir Abdullah C.D.: Zaman Pergerakan Sehingga 1948*, Petaling Jaya: Strategic Information Research Development.
- Abdullah C.D. (2007). *Memoir Abdullah C.D., : Penaja dan Pemimpin Rejimen Ke-10*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development.
- Abdullah Zakaria Ghazali, "Zaman Darurat", dalam Abdullah Zakaria Ghazali, (2005). *Sejarah Negeri Selangor: Dari Zaman Prasejarah Hingga Kemerdekaan*, Shah Alam: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Selangor.
- Aishah Ghani. (1992). *Memoir Seorang Pejuang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Bulletin of Statistics Relating to The Mining Industry 1956 to 1960*, January 1962.
- Bulletin of Statistics Relating to The Mining Industry, July 1956*.
- C.O. 1022/13/ SEA10/14/03, Part 1, Security Forces Weekly Intelligence Summary on Bandit Activity, 1951.
- C.O. 1030/1, Emergency Regulations – Federation of Malaya, Declaration of White Area.
- C.O. 273/597, Monthly Review of Chinese Affairs, Ogos 1934.
- C.O. 537/3751, Malayan Political Development : Political Intelligence Journal, No. 1, 1 April 1948.
- C.O. 537/3751, Malayan Political Development: Political Intelligence Journal, No. 4, 29 February 1948.
- C.O. 537/3751, Malayan Political Development: Political Intelligence Journal, No. 5, 15 March 1948.
- C.O. 537/3751, Malayan Political Development: Political Intelligence Journal, No. 9, 15 May 1948.
- C.O. 717/178/52849/62, Law and Order: Weekly Situation Report Prepared in Eastern Department.
- C.O. 717/200/52849/22, Law and Order, Monthly C.I.D. Survey of Crime.
- CBA/63/56, Rubber Development Plan.
- Comber, Leon, (2008). *Malaya's Secret Police 1945-60 : The Role of the Special Branch in the Malayan Emergency*, Australia & Singapore: Monash Asia Institute, Institute of Southeast Asian Studies.
- Draf Pembangunan Malaya, 1950-1955*.
- Federation of Malaya Annual Report 1953*, Kuala Lumpur : Government Press, 1954.
- Federation of Malaya Annual Report 1954*, Kuala Lumpur : Government Press, 1955.
- Federation of Malaya Annual Report, 1955*, Kuala Lumpur : Government Press, 1956.
- Federations of Malaya Annual Report 1948*, Kuala Lumpur : Government Press, 1949.
- Federations of Malaya Annual Report 1952*, Kuala Lumpur : government Press, 1953.

- Gamba, Charles, (1962). *The Origins of Trade Unionism in Malaya: A Study in Colonial Labour Unrest*, Singapore: Eastern Universities.
- Gurney, Henry. (1949). *Communist Banditry in Malaya: Extracts From Speeches By The High Commissioner Sir Henry Gurney*, Kuala Lumpur : Department of Public Relations.
- Ho Hui Ling, “Pergerakan Komunis dan Kesannya Terhadap Ekonomi Di Tanah Melayu 1948-1960: Tumpuan Kepada Sektor Getah dan Bijih Timah”, dalam Arba’iyah Mohd Noor (eds.), 2012. *Persada Jauhari*, Kuala Lumpur : Jabatan Sejarah Universiti Malaya.
- Ho Hui Ling. (2002). “Darurat Di Selangor, 1948-1960: Kegiatan Pengganas Komunis dan Tindakan Kerajaan Menanganinya”, *Seri Alam*, Bil. 7.
- Ho Hui Ling. (2006). ‘The Rubber and Tin Industries in Malaya During The Emergency 1948-1960’, Kertas Kerja International Association of Historians of Asia Conference, 22-25 November.
- Ho Hui Ling. (2011). *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Khoo Kay Kim, “Ideologi Anarkis dan Komunis: Politik China di Tanah Melayu 1920-an”, dalam Obaidellah Haji Mohamad, *China: Isu dan Hubungan Luar*, Kuala Lumpur : Institut Pengajian China, Universiti Malaya, 2004.
- Khoo Kay Kim. (1972). “Gerakan Anarkis di Tanah Melayu, 1919-1925”, *Jebat*, Bil. 2. *Labour Department Monthly Report 1953*.
- Mahmud Embong. (2009). ‘Perkembangan Rejimen ke-10 Melayu, Parti Komunis Malaya dari 1949 hingga 1989’, Tesis Ph.D, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Maimun Md Yunus. (1986). ‘Darurat Di Selangor, 1948-1960’, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.
- Malayan Railway Administration Report for the year 1957*, Singapore: Malayan Railway Administration, 1958.
- Misman Ramly, (1982). ‘Sejarah Darurat Di Selangor, 1948-1960’, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamed Salleh Lamry. (2009). *Gerakan Kiri Melayu dalam Perjuangan Kemerdekaan*, Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- N. Santha Letchmy a/p M. Nachimuthu, 1989. ‘Sejarah Perkembangan Industri Getah di Negeri Selangor dari 1900 hingga 1950’, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rancangan Malaysia Pertama, 1966-1970*, Kuala Lumpur: Jabatan Chetak Kerajaan.
- Rubber Statistics Handbook of Malaya 1960*.
- Rubber Statistics Handbook of Malaya, 1947*.
- Rubber Statistics Handbook of Malaya, 1948*.
- Rubber Statistics Handbook of Malaya, 1956*.
- Rubber Statistics Handbook of Malaya, 1957*.
- Rubber Statistics Handbook of Malaya, 1962*.
- Rudner, Martin, (1970). “Rubber Strategy for Post-war Malaya, 1945-1948”, *JSEAS*, Vol. 1, No. 1, March 1970.
- Rudner, Martin, (1976). “Rubber Policy : Development and Anti-Development During the 1950s”, *JSEAS*, Vol. 7, No. 2,.
- Sel. Sec. File, 46/1949, Monthly Report on Labour Condition, Stiker and Disputes.
- Short, Anthony, (1975). *The Communist Insurrection in Malaya 1948-1960*, London: Muller.
- Sivachandralingam Sundara Raja, “Relevensi Seminar Ekonomi Terawal MIC Terhadap Masalah Komuniti India di Malaysia”, dalam Arba’iyah Mohd Noor (eds.), 2012. *Persada Jauhari*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- SSF 192/1937, Memorandum on Batu Arang Collieries Strike By Dicksons, Deputy Commissioner of Police Federated Malay States, 24 Mac 1937.

- Stubbs, R., (1974). *Counter-Insurgency and The Economic Factor: The Impact of The Korean War Prices Boom on The Malayan Emergency*, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies.
- SUK. Sel. 1946-1948, R.C. Sel., 44/1948, Monthly Report on the State of Crime in Selangor, 1948, Rawang Report No. 442/48.
- SUK. Sel., 170/1949, Weekly and Monthly Report on the State of Crime in Selangor 1949, Batu Laut Report No. 38/49. Labour Department Monthly Report, 1949.
- Suriani Abdullah. (1999). *Rejimen ke-10 dan Kemerdekaan*, Hong Kong : Nan Dao Publisher.
- Tai Yuen, (2000). *Labour Unrest In Malaya, 1934-1941: The Rise of The Workers Movement*, Kuala Lumpur : Institute of Postgraduate Studies and Research, University of Malaya.
- The Malay Mail*, 12 Julai 1948.
- Vijaya Letchumi a/p Rajoo, (1996). 'Sejarah Perkembangan Sosio-ekonomi Pekan Batu Arang 1900 hingga 1990-an', Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- White, J., Nicholas, (1996). *Business, Government and The End of Empire : Malaya 1941-1957*, Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1996.
- Yong, C.F., (1997). *The Origins of Malayan Communist*, Singapore : Southeast Society